




PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

PSP

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK **2022-2025**



ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN	01
BAB 1 LATAR BELAKANG	04
1.1 Pengenalan	05
1.2 Objektif	06
1.3 Skop Pembangunan	07
BAB 2 PENDEKATAN PROJEK	08
2.1 Pendekatan Projek	09
2.2 Tadbir Urus Projek	11
BAB 3 HALA TUJU PENDIGITALAN	12
3.1 Hala Tuju Pendigitalan PSUK Perak	13
BAB 4 INISIATIF STRATEGIK PENDIGITALAN	16
4.1 Teras Strategik Pendigitalan	17
4.2 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025 Dengan Teras Strategik Pendigitalan Sektor Awam	18
4.3 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025 Dengan Agenda Perak Sejahtera 2030	19
4.4 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025 Dengan Teras Strategik Jabatan	20
4.5 Penjajaran Enterprise Architecture Di Peringkat Strategik	21
BAB 5 STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN	22
5.1 Strategi Dan Program Pendigitalan	23
5.2 Teras Strategi 1	24
5.3 Teras Strategi 2	26
5.4 Teras Strategi 3	28
5.5 Teras Strategi 4	30
BAB 6 PELAN PELAKSANAAN	32
6.1 Pelan Pelaksanaan	33
BAB 7 PENUTUP	42
Penghargaan	44
Galeri	45

PERUTUSAN

YB SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSP PSUK) Perak bagi tahun 2022 hingga tahun 2025 telah dapat dibangunkan dan diterbitkan dengan jayanya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih dan memberikan komitmen yang tinggi dalam membangunkan pelan ini.

Penghargaan khusus dan terima kasih tidak terhingga kepada pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi bantuan dan bimbingan melalui khidmat perundingan sepanjang tempoh pembangunan pelan ini. PSP PSUK Perak 2022 - 2025 merupakan sumber rujukan utama dalam menetapkan hala tuju pendigitalan secara komprehensif selama empat tahun yang menggariskan strategi dan program sebagai panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan inisiatif projek-projek digital bahagian/unit secara lebih tersusun dan efektif. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksana dan memantau semua projek pendigitalan yang telah disenaraikan.

Namun, bagi memastikan pembangunan ini selari dengan aspirasi Kerajaan Persekutuan serta bisnes teras PSUK Perak, pelan ini telah dijajarkan dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 - 2025, Pelan Strategik PSUK Perak 2021- 2025 dan agenda Perak Sejahtera 2030. Pembangunan pelan ini juga telah mengambil kira inisiatif sedia ada dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB), Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) dan Dasar Revolusi Industri 4.0 Negara (D4IRN).

Akhir kata, saya berharap agar setiap warga kerja PSUK Perak memahami hala tuju strategik pendigitalan yang telah digariskan dan melaksanakan pelan tindakan yang telah ditetapkan. Marilah kita bersama-sama berazam dengan penuh tekad untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan di negeri ini ke arah pendigitalan bagi memastikan visi dan misi PSUK Perak dapat terus dicapai sebagaimana yang disasarkan menjelang tahun 2025.

Sekian.

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim

Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan



PRAKATA

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) Perak kerana telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2022-2025. Tidak lupa juga segunung penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), PSUK Perak selaku urus setia induk yang menyelaras dan melaksanakan semua aktiviti yang melibatkan lima fasa dalam pembangunan pelan ini.

Pembangunan PSP PSUK Perak ini telah dapat disiapkan dalam tempoh masa selama sembilan bulan bermula April sehingga Disember 2022 melalui khidmat perundingan daripada Unit Perundingan Perancangan Strategik ICT, Bahagian Perundingan ICT (BPI), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Perkembangan teknologi era Revolusi Industri 4.0 (4IR) yang semakin canggih hari ini dengan penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan (cloud computing), internet benda (IoT), blok rantai (blockchain) dan analitis data raya (BDA) menuntut agar warga kerja PSUK Perak lebih bersedia dengan perancangan yang lebih dinamik bagi menghadapi persekitaran dan cabaran dunia digital untuk terus kekal berdaya saing serta berdaya maju. PSP PSUK Perak 2022-2025 merupakan sumber rujukan utama kepada bahagian/unit PSUK dan jabatan/agensi kerajaan negeri dalam menyelaraskan aktiviti/program pembangunan dan pelaksanaan inisiatif projek-projek digital untuk mentransformasikan perkhidmatan awam bagi tempoh empat tahun akan datang secara lebih tersusun dan efektif.

Saya difahamkan kajian separuh penggal akan dilaksanakan setelah dua tahun pelaksanaan pelan ini diselaraskan untuk membolehkan cadangan penambahbaikan dibuat berdasarkan keperluan semasa dan jangkaan cabaran masa hadapan supaya hala tuju dan sasaran yang ditetapkan sentiasa berada dalam landasan yang betul.

Akhir kalam, adalah menjadi harapan saya agar semua program yang dirancang ini dapat dilaksana dengan jayanya bagi mendokong visi dan misi PSUK Perak secara keseluruhannya. Tahniah saya ucapan sekali lagi dan sekalung penghargaan kepada pasukan pembangunan PSP ini termasuk Subject Matter Expert (SME) dari setiap bahagian/unit serta semua warga PSUK Perak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyumbang idea serta tenaga membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan ini.

Sekian, terima kasih.

Halizah binti Sipun

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Merangkap Pengarah Projek PSP PSUK Perak 2022-2025



SEKAPUR SIRIH

SUB BPM PSUK
NEGERI PERAK

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSP PSUK) Perak bagi tahun 2022 hingga tahun 2025 telah dapat dibangunkan dan diterbitkan dengan jayanya.

PSP PSUK Perak merupakan dokumen yang mengandungi perancangan pendigitalan secara menyeluruh sejajar dengan Pelan Strategik PSUK Perak. Pelan ini akan menjadi rujukan kepada semua bahagian/unit PSUK dan jabatan/agensi negeri Perak dalam melaksanakan projek ICT bagi tempoh empat tahun akan datang.

Skop pembangunan pelan ini merangkumi empat domain iaitu Aplikasi, Infrastruktur, Keupayaan ICT dan Tadbir Urus Digital mengikut keperluan serta teknologi semasa bagi memenuhi ekspektasi stakeholder PSUK Perak. Peluang serta cabaran kemunculan teknologi baharu dalam era IR4.0 telah dikenal pasti dan dijadikan input untuk menentukan perancangan pendigitalan PSUK Perak pada masa akan datang.

Pelan ini mengandungi empat teras pendigitalan, 14 strategi pendigitalan dan 48 program ICT sebagai strategi utama dalam pengukuhan pelaksanaan pendigitalan di PSUK Perak bermula tahun 2022 sehingga tahun 2025. Pelan ini telah mencadangkan inisiatif pengukuhan kepada infrastruktur komunikasi maklumat, integriti data dan integrasi sistem dengan aplikasi utama serta memperkuatkannya sistem penyampaian melalui tadbir urus pemantauan projek dan pelaporan yang lebih berkesan dan memberi impak yang tinggi. Melalui penetapan sasaran dan keutamaan, setiap program pendigitalan yang dirancang diyakini boleh dicapai walaupun peruntukan yang disediakan terbatas.

Oleh itu, diharapkan semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing untuk melaksanakan pelan yang komprehensif ini bagi merealisasikan hasrat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi penyampai perkhidmatan dan tadbir urus yang terbaik.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan PSP PSUK Perak 2022-2025. Penghargaan khusus diberikan kepada pasukan teras dan SME dari semua bahagian/unit di Pejabat SUK Perak yang telah memberikan idea yang inovatif dan sumbangan tenaga yang tidak ternilai dalam menjayakan pembangunan pelan ini.

Sekian.

Mohamad Fadzli bin Haji Tarmiji

Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

Merangkap Pengurus Projek PSP PSUK Perak 2022-2025





BAB 1

LATAR BELAKANG

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

1.1 PENGENALAN

Alhamdulillah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) Perak telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) PSUK Perak 2022 – 2025. Pelan ini merupakan sumber rujukan utama dalam menetapkan hala tuju pendigitalan secara komprehensif selama empat tahun yang menggariskan strategi dan program sebagai panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan inisiatif projek-projek digital bahagian/unit secara lebih tersusun dan efektif.

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksana dan memantau projek pendigitalan yang telah digariskan dalam PSP PSUK Perak 2022-2025.

Pelan yang telah dibangunkan ini adalah kesinambungan daripada Pelan Strategik ICT (PSICT) 2016 – 2020 sebagai usaha menyokong kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Nasional di samping mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PSUK Perak.

Sebanyak 4 Teras Strategik, 14 Strategi dan 48 Program telah diperincikan melalui pelan ini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang akan memberi impak tinggi kepada Stakeholder, Rakan Strategik dan Pelanggan di PSUK Perak. Secara umumnya, kejayaan setiap program yang dirangka diharap dapat merealisasikan visi pendigitalan sektor awam iaitu “Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital” dan visi pendigitalan jabatan secara khususnya iaitu “Pendigitalan Pemacu Kemampunan Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak”.



1.2 OBJEKTIF

Pembangunan PSP PSUK Perak 2022 – 2025 adalah bertujuan menyediakan satu rangka kerja pendigitalan PSUK Perak yang komprehensif bagi tempoh empat tahun bermula dari tahun 2022 sehingga 2025.

Objektif pelan ini adalah seperti berikut:

OBJEKTIF

i

Menetapkan hala tuju pendigitalan yang jelas dalam membantu menjayakan visi dan misi PSUK Perak.

ii

Merancang keperluan bisnes dan ICT yang melibatkan pengguna, rangkaian dan keselamatan, peralatan, aplikasi dan data, tadbir urus serta keupayaan digital.

iii

Mengaplikasikan dan memanfaatkan program pendigitalan yang dibangunkan secara intensif serta menyeluruh.


iv

Menjadi sumber rujukan utama dalam pelaksanaan program pendigitalan di PSUK Perak.

1.3 SKOP PEMBANGUNAN

Skop pembangunan pelan ini mengambil kira keperluan penggunaan dan implementasi ICT di bawah tanggungjawab PSUK Perak serta perkhidmatan yang berkait dengan jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

Pembangunan pelan ini dilaksanakan berdasarkan keperluan ekosistem pendigitalan yang merangkumi empat domain utama berikut:



PSP PSUK Perak 2022–2025 telah dibangunkan dengan kerjasama *Subject Matter Expert* (SME) yang mewakili 10 bahagian/unit di bawah perkhidmatan utama PSUK Perak seperti berikut:

- i . Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- ii . Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
- iii . Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
- iv . Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)
- v . Bahagian Dewan Negeri dan MMK (BDN&MMK)
- vi . Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
- vii . Bahagian Korporat (BK)
- viii . Pejabat YAB Menteri Besar
- ix . Unit Audit Dalam (UAD)
- x . Unit Integriti (UI)



BAB 2

PENDEKATAN PROJEK

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)


2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

2.1 PENDEKATAN PROJEK

Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025 dibangunkan secara dalaman (in-house) dengan mendapat khidmat perundingan dan kerjasama daripada Bahagian Perundingan ICT (BPI), MAMPU.

Metodologi pembangunan pelan ini adalah berdasarkan Panduan Penyediaan Pelan Strategik Pendigitalan Agensi Sektor Awam: Metodologi PSPSA yang dibangunkan oleh MAMPU seperti dalam **Rajah 2.1**.




Rajah 2.1 Metodologi PSPSA

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Pembangunan PSP PSUK Perak 2022-2025 turut dijajarkan dengan aktiviti pembangunan arkitektur berdasarkan metodologi MyGovEA Peringkat 2: Penilaian (As-Is) dan Peringkat 3: Penakrifian (To-Be) yang menghasilkan motivasi perubahan perkhidmatan (motivation view), arkitektur bisnes, data, aplikasi dan teknologi seperti dalam **Rajah 2.2**.



Rajah 2.2 Metodologi MyGovEA

Aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Melaksanakan kajian persekitaran semasa organisasi dan keperluan ICT PSUK Perak menggunakan pendekatan metodologi PSPSA dan MyGovEA.
- Membangunkan visi, misi, hala tuju strategik, teras strategik, strategi dan program bagi pembangunan PSP PSUK Perak.
- Membangunkan artifak *Enterprise Architecture* (EA) di peringkat strategik selaras dengan hala tuju Pelan Strategik PSUK Perak.
- Menyediakan pelan pelaksanaan dan mengenal pasti strategi pelaksanaan projek secara terperinci merangkumi anggaran kos, tempoh, keutamaan, jadual pelaksanaan dan langkah pelaksanaan utama.
- Menyediakan laporan Pelan Strategik Pendigitalan yang dilengkapi dengan artifak EA peringkat strategik selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh MAMPU.

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)


2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

2.2 TADBIR URUS PROJEK

Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSP ini berjaya dilaksanakan. Pembangunan PSP ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat atau *Chief Information Officer* (CIO) PSUK Perak.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menjalankan penilaian terhadap persekitaran ICT PSUK Perak dan seterusnya membuat pelan tindakan bagi mengatasi dan menambah baik setiap isu dan cabaran yang dikenal pasti. Struktur tadbir urus bagi Pasukan Projek PSP PSUK Perak 2022 - 2025 adalah seperti dalam **Rajah 2.3**.





BAB 3

HALA TUJU PENDIGITALAN

3.1 HALA TUJU PENDIGITALAN PSUK PERAK

Perancangan hala tuju strategik pendigitalan jabatan ini dibentuk berdasarkan hasil analisis persekitaran perkhidmatan dan ICT semasa PSUK Perak. Ianya dirangka untuk menyokong perancangan strategik jabatan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap serta memenuhi kehendak SUK dan matlamat pelanggan. Hala tuju ini juga selari dengan visi dan misi jabatan yang telah dinyatakan melalui Pelan Strategik PSUK Perak 2021-2025.

Visi dan Misi PSUK Perak adalah seperti dalam **Rajah 3.1**



Rajah 3.1 Visi dan Misi PSUK Perak

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Visi dan Misi pendigitalan PSUK Perak adalah seperti dalam **Rajah 3.2**

VISI ICT



**Pendigitalan Pemacu Kemampanan
Penyampaian Perkhidmatan Awam
Negeri Perak**

MISI ICT




**Memperkasakan Infrastruktur Dan Infostruktur ICT Dengan
Mengadaptasi Teknologi Baharu Secara Inovatif, Cekap dan
Berkesan bagi Meningkatkan Kualiti Sistem Penyampaian
Perkhidmatan Negeri Perak Kepada Rakyat**

Rajah 3.2 Visi dan Misi Pendigitalan PSUK Perak

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK





BAB 4

INISIATIF STRATEGIK PENDIGITALAN

4.1 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Teras strategik merupakan komponen penting dalam pembangunan PSP PSUK Perak dan merupakan kunci utama bagi menentukan strategi dan program pendigitalan yang akan dilaksanakan.

Teras Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022 - 2025 adalah seperti dalam **Rajah 4.1**

1

PEMERKASAAN PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG SELAMAT SECARA INKLUSIF DAN BERSEPADU

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang inklusif bagi kelestarian penyampaian sektor perkhidmatan awam negeri.
- Membangunkan aplikasi dan perkongsian data yang dinamik dalam usaha memantapkan kapasiti organisasi selaras dengan teknologi terkini.
- Memperkuuh keselamatan aplikasi dan infostruktur ICT untuk menjamin integriti maklumat.

2

PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI DIGITAL DAN KESELAMATAN ICT

- Memperluas infrastruktur rangkaian seiring teknologi terkini dan relevan.
- Mengukuhkan keupayaan dan ketersediaan infrastruktur ICT bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan.
- Memantapkan keselamatan infrastruktur ICT bagi menjamin keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berterusan.

3

PEMANTAPAN KEUPAYAAN DIGITAL SECARA HOLISTIK

- Meningkatkan personel ICT yang kompeten bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti setara dengan keperluan teknologi terkini.
- Memperkasa hebahan dan menerapkan kesedaran dalam pembudayaan ICT bagi mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan digital yang ditawarkan.
- Menyemarakkan inovasi dalam kalangan warga untuk meningkatkan pengiktirafan ICT ke tahap yang lebih tinggi.

4

PEMERKASAAN TADBIR URUS DIGITAL MAMPAH

- Memantapkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan digital bagi mengukuhkan struktur organisasi ICT.
- Mempertingkat peranan kepimpinan pengurusan tertinggi dalam memantapkan tadbir urus digital.
- Memantapkan dasar, polisi, prosedur dan garis panduan bagi meningkatkan pemantapan dan pematuhan ICT.


Rajah 4.1 Teras Strategik Pendigitalan dan Objektif



4.2 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PSUK PERAK 2022 - 2025 DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

Teras strategik pendigitalan PSUK Perak yang telah dihasilkan adalah sejajar dengan Teras Strategik PSPSA bagi menyokong hala tuju pendigitalan sektor awam.

Rajah 4.2 menunjukkan penajaran teras strategik pendigitalan PSUK Perak dengan Teras Strategik Pendigitalan Sektor Awam.



Rajah 4.2 Pemetaan Teras Strategik Pendigitalan PSUK Negeri Perak 2022-2025 dengan Kerangka PSPSA 2021-2025

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

4.3 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PSUK PERAK 2022-2025 DENGAN AGENDA PERAK SEJAHTERA 2030

Teras Strategik ICT yang dibangunkan melalui PSP PSUK Perak 2022-2025 perlulah sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030. Perak Sejahtera 2030 menggariskan enam agenda yang mencerminkan aspirasi rakyat dari segi kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan dengan misi ‘memacu pembangunan sosiekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik’.

Hubungan antara Teras Strategik ICT dan enam Agenda Perak Sejahtera 2030 adalah seperti **Rajah 4.3**.



Rajah 4.3 Penjajaran Teras Strategik ICT dengan Agenda Perak Sejahtera 2030

4.4 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PSUK PERAK 2022-2025 DENGAN TERAS STRATEGIK JABATAN

Teras Strategik ICT yang dibangunkan perlulah sejajar dengan Teras Bisnes PSUK Perak yang telah dinyatakan dalam Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (PSSUK) 2021-2025.

Hubungan antara Teras Strategik ICT dan Teras Bisnes adalah seperti dalam **Rajah 4.4**.



Rajah 4.4 Penjajaran Teras Strategik ICT dengan Pelan Strategik PSUK Perak

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK


4.5 PENJAJARAN ENTERPRISE ARCHITECTURE DI PERINGKAT STRATEGIK

Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA) membolehkan PSUK Perak mengenal pasti keseluruhan arkitektur organisasi yang meliputi empat domain iaitu:

- a) Bisnes (Pehidmatan Teras)
- b) Data
- c) Aplikasi
- d) Teknologi

Melalui keempat domain seperti dinyatakan, PSUK Perak dapat mengenal pasti keperluan serta strategi ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan semasa kepada pelanggan. Secara tidak langsung ia juga dapat membantu pihak pengurusan atasan membuat keputusan strategik di dalam merangka pelan, program seterusnya dan menentukan KPI yang relevan setelah mengambil kira keperluan di dalam domain arkitektur seperti yang telah dikenal pasti.

Hubungkait keempat domain tersebut diilustrasikan melalui rajah OLMV dalam **Rajah 4.5**.



Rajah 4.5 Organization Landscape Map View PSUK Perak



BAB 5

STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

5.1 STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Strategi dan program pendigitalan dibentuk bagi menyokong empat teras strategik pendigitalan. Ringkasan 14 strategi dan 48 program pendigitalan adalah seperti dalam Rajah 5.1.



Rajah 5.1 Ringkasan Teras Strategik dan Strategi

TERAS STRATEGI 1

PEMERKASAAN PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG SELAMAT SECARA INKLUSIF DAN BERSEPADU

Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Yang Selamat Secara Inklusif dan Bersepadu merujuk kepada pengukuhan penawaran perkhidmatan digital kepada rakyat secara menyeluruh, boleh dipercayai, dan berintegriti.

Dengan memanfaatkan sepenuhnya kemunculan teknologi baharu, langkah ini diharapkan dapat meningkatkan lagi tahap kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap transaksi serta menjadi pemangkin kepada terbentuknya masyarakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran, dan beretika.

Objektif Teras Strategik 1 adalah seperti dalam **Rajah 5.2**



Rajah 5.2 Objektif Teras Strategik Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Yang Selamat Secara Inklusif dan Bersepadu



Sebanyak 11 program telah dirangka melalui 3 strategi yang terdapat di dalam **Teras Strategik 1 - Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Yang Selamat Secara Inklusif dan Bersepadu**.

Senarai program adalah seperti dalam **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1 Strategi dan Program Bagi Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Yang Selamat Secara Inklusif dan Bersepadu

STRATEGI 1	PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL
P1	Pembangunan Aplikasi Baharu
P2	Naik Taraf Aplikasi Sedia Ada
P3	Peluasan Aplikasi
P4	Pembangunan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps)
P5	Peningkatan Perkhidmatan ePembayaran
STRATEGI 2	PENGUKUHAN ORGANISASI BERPACUKAN DATA
P1	Pembangunan Repositori Data Raya Perak
P2	Pembangunan API dan Pengintegrasian Data Inter Agensi
P3	Pembangunan Platform Perkongsian Data
P4	Kajian Pelaksanaan Inisiatif <i>Emerging Technologies</i>
STRATEGI 3	PENGUKUHAN KESELAMATAN SISTEM APLIKASI
P1	Penyelenggaraan Berkala Sistem Aplikasi Teras
P2	Penyelenggaraan Berkala Sistem Aplikasi Sokongan

TERAS STRATEGI 2

PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI DIGITAL DAN KESELAMATAN ICT

Pemantapan Infrastruktur Teknologi Digital dan Keselamatan ICT dapat menjamin kestabilan dan keselamatan serta integriti maklumat selain mempertingkatkan kemudahan dalam mengukuhkan kecekapan perkhidmatan di PSUK Perak. Antara strategi yang perlu dicapai dalam memastikan kejayaan pemantapan infrastruktur ini adalah Peningkatan Keupayaan Rangkaian, Pemantapan Keupayaan Perkakasan dan Perisian ICT, Pengukuhan Keselamatan ICT dan Pengukuhan Pusat Data dan Pusat Pemulihian Bencana.

Objektif Teras Strategik 2 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 5.3**.

-
- 01**
Memperluas infrastruktur rangkaian seiring teknologi terkini dan relevan
 - 02**
Mengukuhkan keupayaan dan ketersediaan infrastruktur ICT bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan
 - 03**
Memantapkan keselamatan infrastruktur ICT bagi menjamin keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berterusan.

Rajah 5.3 Objektif Teras Strategik Pemantapan Infrastruktur Teknologi Digital dan Keselamatan ICT



Sebanyak 10 program telah dirangka melalui 4 strategi yang terdapat di dalam **Teras Strategik 2 - Pemantapan Infrastruktur Teknologi Digital dan Keselamatan ICT**.

Senarai program adalah seperti dalam **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2 Strategi dan bagi Teras Strategik Pemantapan Infrastruktur Teknologi Digital dan Keselamatan ICT

STRATEGI 1	PENINGKATAN KEUPAYAAN RANGKAIAN
P1	Penyekurian dan Peningkatan Keupayaan Rangkaian PerakNet Berkelayar Tinggi Kepada Semua Jabatan/Agensi Negeri
P2	Penyekurian dan Peningkatan Keupayaan Rangkaian LAN PSUK Perak
P3	Peluasan Liputan Kemudahan Wi-Fi PSUK Perak
STRATEGI 2	PEMANTAPAN KEUPAYAAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT
P1	Pelaksanaan Perolehan Perkakasan ICT Kepada Pengguna di PSUK Perak
P2	Pelaksanaan Perolehan Perisian ICT Kepada Pengguna di PSUK Perak
P3	Pelaksanaan Penyelenggaraan Secara Sistematik
STRATEGI 3	PENGUKUHAN KESELAMATAN ICT
P1	Pengukuhan Keselamatan ICT Melalui Pelaksanaan <i>Security Posture Assessment (SPA)</i>
P2	Pembaharuan Perisian Keselamatan ICT
STRATEGI 4	PENGUKUHAN PUSAT DATA DAN PUSAT PEMULIHAN BENCANA
P1	Penyekurian dan Peningkatan Keupayaan Rangkaian PerakNet Berkelayar Tinggi Kepada Semua Jabatan/Agensi Negeri
P2	Kajian Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (<i>Cloud Computing</i>)

5.4

TERAS STRATEGI 3

PEMANTAPAN KEUPAYAAN DIGITAL SECARA HOLISTIK

Pemantapan keupayaan digital secara holistik akan dilaksanakan dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ICT warga PSUK Perak. Inisiatif ini sejajar dengan perkembangan pantas teknologi digital pada masa kini.

Objektif Teras Strategik 3 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 5.4**.



Meningkatkan Personel ICT yang kompeten bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti setara dengan keperluan teknologi terkini.

Memperkasakan hebahan dan menerapkan kesedaran dalam pembudayaan ICT bagi mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan digital yang ditawarkan.

Menyemarakkan inovasi dalam kalangan warga untuk meningkatkan pengiktirafan ICT ke tahap yang lebih tinggi.

Rajah 5.4 Objektif Teras Strategik Pemantapan Keupayaan Digital Secara Holistik

Sebanyak 13 program telah dirangka melalui 4 strategi yang terdapat di dalam **Teras Strategik 3 -Pemantapan Keupayaan Digital Secara Holistik**.

Senarai program adalah seperti dalam **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3 Strategi dan Program bagi Teras Strategik Pemantapan Keupayaan Digital Secara Holistik

STRATEGI 1		PEMANTAPAN KOMPETENSI PERSONEL ICT BERKEMAHIRAN TINGGI
P1		Pembangunan Pelan Kompetensi Personel ICT
P2		Pelaksanaan <i>Upskill</i> dan <i>Reskill</i> ICT Untuk Personel ICT
P3		Pengukuhan keupayaan Pasukan Cyber Security Incident Response Team (CSIRT)
P4		Pensijilan Profesional ICT
P5		Pengiktirafan Personel ICT Daripada Badan Profesional
STRATEGI 2		PENINGKATAN KOMPETENSI WARGA SUK
P1		Pembangunan Pelan Latihan yang Komprehensif untuk Warga SUK
P2		Pelaksanaan Latihan ICT Warga SUK
P3		Pelaksanaan ICT <i>Basic Troubleshoot Skill</i>
P4		Program Kepimpinan Digital SUK Perak
STRATEGI 3		PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN ICT
P1		Pelaksanaan Program dan Kempen Kesedaran ICT - Konvensyen ICT - <i>Technology Update</i> - <i>Knowledge Sharing</i> - <i>Security Awareness</i>
P2		Pelaksanaan Program Promosi Aplikasi Digital kepada Orang Awam
STRATEGI 4		PENINGKATAN PENGIKTIRAFAN ICT
P1		Penganjuran Hari Inovasi
P2		Penglibatan Program Inovasi Secara Holistik di Pelbagai Peringkat


5.5

TERAS STRATEGI 4

PEMERKASAAN TADBIR URUS DIGITAL MAMPAH

Tadbir urus digital merupakan komponen penting dalam memastikan proses transformasi ke arah pendigitalan perkhidmatan. Teras ini bertujuan memantap, menggerak dan mengkoordinasi tadbir urus digital bagi merealisasikan program pendigitalan yang telah dirangka dilaksanakan dengan jayanya di PSUK Perak.

Objektif bagi Teras Strategik 3 adalah seperti dinyatakan dalam **Rajah 5.5**.



Rajah 5.5 Objektif Teras Strategik Pemerkasaan Tadbir Urus Digital Mampan



Sebanyak 14 program telah dirangka melalui 3 strategi yang terdapat di dalam **Teras Strategik 4 – Pemerkasaan Tadbir Urus Digital Mampan**.

Senarai program adalah seperti dalam **Jadual 5.4**

Jadual 5.4 Strategi dan Program Bagi Teras Strategi Pemerkasaan Tadbir Urus Digital Mampan

STRATEGI 1	PENGUKUHAN PENGURUSAN DIGITAL
P1	Rasionalisasi Struktur Organisasi ICT
P2	Pemantapan Peranan CIO kepada CDO
P3	Pemantapan Peranan ICTSO
P4	Pemantapan Deskripsi Tugas (Job Description - JD) Berdasarkan 14 Bidang Kepakaran
STRATEGI 2	PEMERKASAAN TADBIR URUS DIGITAL
P1	Pewujudan Jawatankuasa Digital Baharu
P2	Pemantapan Terma Rujukan dan Penguatkuasaan Jawatankuasa Digital Sedia Ada
P3	Pensijilan Kualiti ISMS ISO/IEC 27001:2013
P4	Pengukuhan Pasukan CSIRT SUK Perak
STRATEGI 3	PEMANTAPAN DASAR, POLISI, PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN ICT
P1	Penyediaan Polisi dan Garis Panduan ICT Baharu
P2	Pengemaskinian Dasar dan Garis Panduan Sedia Ada
P3	Pengemaskinian Pelan Pemulihan Bencana (DRP)
P4	Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025
P5	Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2026-2030
P6	Pembangunan Smart City Blueprint Perak



BAB 6

PELAN PELAKSANAAN

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

6.1 PELAN PELAKSANAAN

Pelan pelaksanaan merangkumi jadual tindakan dan anggaran kos bagi program ICT yang telah dirangka mengikut setiap teras strategik. Sebanyak 14 strategi dan 48 program telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2022-2025 seperti dalam **Jadual 6.1**.

TERAS STRATEGIK 1:
PEMERKASAAN PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG SELAMAT SECARA INKLUSIF DAN BERSEPADU

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
S1 Pemerkasaan Perkhidmatan Digital	P1 Pembangunan Aplikasi Baharu:																	
	1. Sistem ePerak UPEN	UPEN																
	2. Sistem ePingat V2	BDN&MMK																
	3. Sistem Peruntukan Pejabat Menteri Besar	PMB																
	4. Sistem Tempahan Rumah Perak	BKP																
	5. Sistem Tempahan Kumpulan Selendang Perak	BKP																
	6. Sistem Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (eJPKK)	UPEN																
	7. Sistem Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak	BKP																
	8. Sistem Pengurusan Bencana Banjir	UPEN																
	9. Sistem <i>Public Response for Health</i>	UPEN																
S2 Peningkatan Kualiti Perkhidmatan	10. Sistem Maklumat Ahli-ahli Dewan	BDN&MMK																
	P2 Naik Taraf Aplikasi Sedia Ada																	
	1. Laman Web Darjah Kebesaran Negeri Perak	BDN&MMK																
	2. Sistem ePenghulu	UPEN																
	3. Sistem eStaf	BPSM																
	4. Sistem eSekolah	UPEN																
	5. Peta Interaktif	UPEN																
S3 Optimasi dan Inovasi	6. Sistem eIndustri	UPEN																
	7. Sistem eKariah	UPEN																
	P3 Perluasan Aplikasi																	
	1. S3PK ke JPS	BPM																
	2. Sistem eHadir	BPM																

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
S1 Peningkatan Perkhidmatan ePembayaran	P4 Pembangunan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps)	BDN&MMK BK									■	■	■	■				
	1. Sistem eDewan 2. Sistem Direktori														■	■	■	■
	P5 Peningkatan Perkhidmatan ePembayaran	BKP									■	■	■	■				
	1. Sistem Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak										■	■	■	■				
	P1 Pembangunan Respositori Data Raya Perak :	UPEN					■	■	■	■								
	1. Modul Data Peluang Pekerjaan										■	■	■	■				
	2. Modul Data Pelaburan										■	■	■	■				
	3. Modul Data Hasil	BPM													■	■	■	■
	P2 Pembangunan API dan Pengintegrasian Data Inter Agensi :																	
	1. Sistem Tempahan Fasiliti dan Sistem Tempahan Rumah Perak						■	■	■	■								
	2. Sistem Tempahan Fasiliti dan Sistem Tempahan Kumpulan Selendang Perak						■	■	■	■								
	3. Sistem ePingat dan Portal Pingat						■	■	■	■								
	4. Sistem ePerak dan Data Kemiskinan	UPEN									■	■	■	■				
	5. Sistem eStaf dan HRMIS										■	■	■	■				
	P3 Pembangunan Platform Perkongsian Data:	UPEN													■	■	■	■
	- Geo Hub														■	■	■	■
	P4 Kajian Pelaksanaan Inisiatif Emerging Technologies	BPM									■	■	■	■				
S3 Pengukuhan Keselamatan Sistem Aplikasi	P1 Penyelenggaraan Berkala Sistem Aplikasi Teras	UPEN BPM BPM BPM BPM																
	1. Sistem eProjek						■	■	■	■								
	2. Sistem eDewan						■	■	■	■								
	3. Portal Perak						■	■	■	■								
	4. Sistem P.07						■	■	■	■								
	5. Sistem ePingat						■	■	■	■								

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

TERAS STRATEGIK 2:

PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI DIGITAL DAN KESELAMATAN ICT

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
S1 Peningkatan Keupayaan Rangkaian	P1 Peningkatan Keupayaan Rangkaian PerakNet Berkelayuan Tinggi kepada Semua Jabatan/Agenzi Negeri 1. Direct Over Metro-E (DOME) 2. IP VPN Metro-E (IPME) 3. Software-defined WAN (SDWAN)	BPM																
	P2 Peningkatan Infrastruktur LAN PSUK Perak 1. Core Switch 2. Uninterruptible Power Supply (UPS) 3. Pelaksanaan Network Monitoring System (NMS) 4. IPv6 5. Switch 6. Kabel Rangkaian	BPM																
	P3 Peluasan Liputan Kemudahan Wi-Fi PSUK Perak 1. Switch 2. Core switch	BPM																
S2 Pemantapan Keupayaan Perkakasan dan Perisian ICT	P1 Pelaksanaan Perolehan Perkakasan ICT kepada Pengguna di PSUK Perak 1. Laptop 2. Komputer 3. Pencetak	BPM																
	P2 Pelaksanaan Perolehan Perisian ICT kepada Pengguna di PSUK Perak 1. Lesen Sidang Video 2. Lesen OS (Windows Server) 3. Lesen e-mel (Zimbra) 4. Perisian Multimedia dan Grafik	BPM																

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
	P3 Pelaksanaan Penyelenggaraan Secara Sistematisk 1. Selenggara Wi-Fi 2. Selenggara Core Switch 3. Selenggara Peralatan ICT bagi Pengguna PSUK Perak (Komputer, Pencetak dan Laptop)	BPM																
S3 Pengukuhan Keselamatan ICT	P1 Pengukuhan Keselamatan ICT Melalui Pelaksanaan <i>Security Posture Assessment (SPA)</i>	BPM																
	P2 Pembaharuan Perisian Keselamatan ICT 1. Lesen Firewall 2. Lesen Antivirus 3. Lesen Antispam	BPM																
S4 Pengukuhan Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana	P1 Penaiktarafan Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana 1. Pembaharuan Lesen HCI 2. Kajian Pelaksanaan Smart Rack 3. Penaiktarafan Environment Monitoring System (EMS)	BPM																
	P2 Kajian Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (<i>Cloud Computing</i>)	BPM																

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

TERAS STRATEGIK 3:

PEMANTAPAN KEUPAYAAN DIGITAL SECARA HOLISTIK

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
S1 Pemantapan Kompetensi Personel ICT Berkemahiran Tinggi	P1 Pembangunan Pelan Kompetensi Personel ICT	BPM																
	P2 Pelaksanaan <i>Upskill</i> dan <i>Reskill</i> ICT untuk Personel ICT	BPM																
	P3 Pengukuhan Keupayaan Pasukan Cyber Security Incident Response Team (CSIRT)	BPM																
	P4 Pensijilan Profesional ICT	BPM																
	P5 Pengiktirafan Personel ICT daripada Badan Profesional	BPM																
S2 Peningkatan Kompetensi Warga SUK	P1 Pembangunan Pelan Latihan yang Komprehensif untuk Warga SUK	BPSM																
	P2 Pelaksanaan Latihan ICT Warga SUK	BPSM																
	P3 Pelaksanaan ICT Basic Troubleshoot Skill	BPM																
	P4 Program Kepimpinan Digital SUK Perak	BPM																
S3 Pengukuhan Pembudayaan ICT	P1 Pelaksanaan Program dan Kempen Kesedaran ICT 1. Konvensyen ICT 2. Technology Update 3. Knowledge Sharing 4. Security Awareness	BPM																
	P2 Pelaksanaan Program Promosi Aplikasi Digital kepada Orang Awam	BPM																
S4 Lonjakan Inovasi Bagi Peningkatan Pengiktirafan ICT	P1 Pengajuran Hari Inovasi	BK																
	P2 Penglibatan Program Inovasi secara Holistik di Pelbagai Peringkat	BK																

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

TERAS STRATEGIK 4: PEMERKASAAN TADBIR URUS DIGITAL MAMPAH

STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025				
			Q1	Q2	Q3	Q4													
S1 Pengukuhan Pengurusan Digital	P1 Rasionalisasi Struktur Organisasi ICT	BPM																	
	P2 Pemantapan Peranan CIO kepada CDO	BPM																	
	P3 Pemantapan Peranan ICTSO	BPM																	
	P4 Pemantapan Deskripsi Tugas (Job Description JD) Berdasarkan 14 Bidang Kepakaran	BPM																	
S2 Pemerksaan Tadbir Urus Digital	P1 Pewujudan Jawatankuasa Digital Baharu :	BPM																	
	1. Jawatankuasa Pemodenan dan Pendigitalan Negeri Perak (JPPNP)																		
	P2 Pemantapan Terma Rujukan dan Pengukuhan Jawatankuasa Digital Sedia Ada:	BPM																	
	1. Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Perak (JPIC)																		
	2. Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Perak (JTICT)																		
	3. Jawatankuasa Penyelaras Pasukan Cyber Security Incident Response Team (CSIRT)																		
	4. Jawatankuasa Pemandu ISMS ISO/IEC 27001:2013																		
	5. Jawatankuasa Pasukan Kerja ISMS ISO/IEC 27001:2013																		
	6. Jawatankuasa Induk Laman Web/Portal Dan Data Terbuka Negeri Perak																		
	P3 Pensijilan Kualiti ISMS ISO/IEC 27001:2013	BPM																	
	P4 Pengukuhan Pasukan CSIRT	BPM																	

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP)

2022~2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK


STRATEGI	PROGRAM	PEMILIK	2022				2023				2024				2025			
			Q1	Q2	Q3	Q4												
S3 Pemantapan Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan ICT	P1 Penyediaan Polisi dan Garis Panduan ICT Baharu: 1. Polisi Pengurusan Rangkaian LAN dan Wi-Fi 2. Garis Panduan Pengurusan Bilik Server 3. Garis Panduan Permohonan SSL VPN 4. Garis Panduan Permohonan Penyimpanan Untuk Server HCI 5. Garis Panduan Pembekalan Data 6. Garis Panduan Perisian Automasi Pejabat 7. Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Webhosting 8. Garis Panduan Pengurusan Insiden Keselamatan	BPM																
	P2 Pengemaskinian Dasar dan Garis Panduan ICT Sedia Ada: 1. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) 2. Garis Panduan Bring Your Own Device (BYOD) 3. Garis Panduan Permohonan Kelulusan Peruntukan, Pelaksanaan dan Tadbir Urus Projek Pembangunan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak	BPM																
	P3 Pengemaskinian Pelan Pemulihian Bencana (DRP)	BPM																
	P4 Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025	BPM																
	P5 Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2026-2030	BPM																
	P6 Pembangunan Smart City Blueprint Perak	BKT																





BAB 7

PENUTUP



PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan PSUK Perak 2022-2025 merupakan satu dokumen *blueprint* yang menggariskan hala tuju strategik pendigitalan Negeri Perak untuk tempoh empat tahun. Pelan ini akan menjadi panduan kepada semua bahagian di PSUK Perak untuk membangun dan memantapkan penyampaian perkhidmatan jabatan ke arah mencapai visi yang telah ditetapkan iaitu “Pendigitalan Pemacu Kemampanan Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak”. Sebanyak 4 Teras Strategik, 14 Strategi dan 48 Program telah diperincikan melalui pelan ini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang akan memberi impak tinggi kepada Stakeholder, Rakan Strategik dan Pelanggan.

Adalah diharapkan PSP PSUK Perak 2022 - 2025 yang telah dibangunkan ini dapat dihayati dan difahami oleh semua warga kerja PSUK Perak bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Kejayaan pelaksanaan PSP PSUK Perak ini sekaligus akan membantu merealisasikan visi kerajaan Negeri Perak untuk menjadi “Peneraju Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak Menjelang 2025”.

PENGHARGAAN

SETTINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH DIBERIKAN KEPADA PASUKAN PROJEK PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK 2022-2025

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri

Ybhg. Dato' Nor Sham binti Rahman
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

YBrs. Puan Halizah binti Sipun
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

PASUKAN PERUNDING PSP SEKTOR AWAM (MAMPU)

Siti Sapura binti Rafiee
Ts Dr Siti Istianah binti Mahdzur
Haliza binti Husain
Ts Suhaiza binti Sudirman
Hasrul Rizal bin Hassim
Nur Nuha binti Mohd Yusuff
(Sehingga Mei 2022)
Azmawati binti Che Azmi

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Haji Mohamad Fadzli bin Haji Tarmiji
Zolkfeli bin Mohd Idris
Hafizah Khanan
Siti Mazura binti Che Doi
Azniyanti Suhani binti Ahmad Mokhtar
Norizan binti Sulaiman
Nor Azilah binti Mohd Saleh
Sheliana binti Ab Rahman
Yusof Pauzi bin Puteh
Suhana binti Mohd Alias
Rosmaniza binti Othman
Normala binti Ahamad Hanapiah
Norsuhana binti Nurdin
Nurhayati binti Ahdan
Norbaiti binti Zakaria Ansari
Mior Khairil Faizal bin Mior Nadzri
Khajimatul Shellawati binti Az Muzni
Norsita binti Mat Zan
Nurdiana binti Haji Bakri
Mustaza bin Mohd Muftaridi
Zulkefli bin Saebun
Nor Baizura binti Kamaruddin
Zarina binti Zakaria
Nur Atikah binti Abdul Rahman
Mohd Azhar Hafiz bin Samsuni

BAHAGIAN DEWAN NEGERI & MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

Maizatul Akmal binti Mohamad Ramli
Muhammad Shahril bin Othman

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

Intan Syafeinaz binti Abbas
Mohd Fauzi bin Roslan

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Nurfadillah binti Hamid
Aini Zaharah binti Mohd Sah

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Hazwani binti Anuar
Nur Hanisah binti Zubir

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Khairul Nizam bin Musa
Shahafzan bin Nazri

PEJABAT YAB MENTERI BESAR

Asad Safwan bin Mazlan
Nurul Ainaa Ashikin binti Khairul Anuar

BAHAGIAN KORPORAT

Nor Husna binti Idris
Nur Dalila binti Mastor

UNIT AUDIT DALAM

Nurul Shida binti Zakaria
Zenath binti Mohamad Yusop

UNIT INTEGRITI

Nurulhazwani binti Mohd Joaini
Mohd Sofian bin Mohamad Razali

Bengkel 1

Bengkel Analisis Persekutaran Semasa



21-23 Mac 2022
Avillion Pangkor

Bengkel 2

Bengkel Pembangunan Pelan Pelaksanaan



HOTEL GRAND BARON

**27-29 Julai 2022
Grand Baron Taiping**



Bengkel 3

Bengkel Penulisan Dokumen PSP



5-7 Oktober 2022
Rivertel Teluk Intan



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERAK

Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak